

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 MARCH 2015

Najib bakal umum pendirian UMNO

Putrajaya: Pendirian UMNO berhubung isu pelaksanaan hukum hudud oleh kerajaan PAS Kelantan dijangka dibuat Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Najib Razak pada hari ini atau esok.

Perkara terbabit dimaklumkan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor ketika ditemui di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan hukum hudud perlu mengikut Perlembagaan Persekutuan.

"Hudud perlu mengikut perlembagaan negara, saya tidak cagak kita (UMNO) membantahnya sebagai orang Islam hukum Allah tetap hukum.

Timbul kekecohan

"Pihak yang mempermainkan isu ini ialah DAP dan PKR, mereka cuba untuk timbulkan kekecohan dengan isu ini kerana parti terbabit semakin berpecah. Malah, dengan isu ini mereka sangka boleh hancurkan Barisan Nasional (BN).

"Bagaimanapun, kepimpi-



Tengku Adnan melawat **pameran kesedaran bahaya denggi** sempena majlis pelancaran pusat komuniti Kawasan Rukun Tetangga Suria di Putrajaya, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

nan BN adalah berbeza kerana kita percaya kepada kesepakatan bersama, setiap keputusan kita ada kesepakatan yang dibuat menerusi mesyuarat khas bersama parti komponen. Kita semua bersetuju, kita akan ikut hudud seperti ditetapkan Perlembagaan," katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas majlis pelancaran pusat komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Suria di sini, semalam.

Ditanya kenapa UMNO tidak menyokong usaha PAS yang mahu melaksanakan hudud sebelum ini, Tengku Adnan berkata, hudud PAS sebelum ini tidak lebih kepada hudud politik.

Pada 18 Mac lalu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob membentangkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) untuk membolehkan pelaksanaan hukum hudud PAS di Kelantan.

Rang undang-undang itu yang diluluskan sehari kemudian, bagaimanapun tidak disokong DAP dan PKR.